

04 - 30/10/09

'Dr Mahathir layak dianugerah Hadiah Nobel'

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memajukan untuk mendikan peperangan sebagai jenayah perlu dipertimbangkan untuk Hadiah Nobel di atas usahanya melindungi keamanan sejagat.

Beberapa ahli panel yang menghadiri Persidangan dan Pameran Pendidikan Jenayah Perang Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam, sepakat bekas Perdana Menteri itu berhak memenangi anugerah berkenaan berikutan keberanian Dr Mahathir lantang mengkritik kuasa besar yang menjadi dalang di sebalik sesuatu peperangan yang banyak mengorbankan kanak-kanak dan wanita.

Bekas tahanan Guantamo, Moazzam Begg, berkata beliau sungguh terharu usaha berterusan yang dilakukan Dr Mahathir untuk menjadikan peperangan sebagai jenayah. Moazzam, seorang warga Britain berkata, mereka yang menjadi dalang kepada peperangan perlu menerima hukuman berat kerana ia (peperangan) mencabul hak asasi manusia.

"Saya berasakan pemimpin yang sebenarnya layak menerima Hadiah Nobel ialah Dr Mahathir," katanya.

NEWSPAPER CLIPPING PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 30/10/2009